

Program AmBank-MyKasih beri manfaat kepada 2,291 keluarga

Oleh AHMAD ISYAFIQ MAD. DESA

PASIR GUDANG - Kumpulan AmBank (M) Bhd. (AmBank) melalui Program Komuniti AmBank-MyKasih memperuntukkan dana sebanyak RM1 juta untuk diagihkan ke 15 lokasi melibatkan 2,291 keluarga di seluruh Malaysia.

Pengerusinya, Tan Sri Azman Hashim berkata, setiap tahun AmBank memperuntukkan sejumlah dana untuk melancarkan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan antaranya AmBank-MyKasih yang mula diperkenalkan sejak tahun 2009.

"Program CSR akan sentiasa dijalankan pada setiap



AZMAN (tujuh dari kiri, belakang) bersama sebahagian daripada penerima sumbangan daripada program komuniti AmBank-MyKasih di Pasir Gudang baru-baru ini.

tahun termasuk peruntukkan khas supaya program ini dapat berjalan dengan

lancar selain menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan.

"Harapan kita supaya lebih ramai golongan kurang berkemampuan di negara ini dapat dibantu," katanya.

Beliau berkata demikian di Program Komuniti AmBank-MyKasih di pusat beli-belah Mydin di sini baru-baru ini.

Selain itu, dalam majlis tersebut, Azman turut mengagihkan sumbangan bernilai RM208,000 kepada 100 keluarga terpilih dalam tempoh dua tahun di sekitar daerah ini.

Katanya, sumber dana MyKasih bergantung sepenuhnya daripada derma sumbangan orang awam dan badan-badan korporat untuk membantu membiayai program berkenaan.